

Aktiviti PAK-21


Anda sebagai arkitek diminta membangunkan sebuah bandar lestari yang lengkap dengan pelbagai kemudahan untuk satu komuniti di bandar itu.

Arahan:

Lakukan aktiviti ini secara berkumpulan.

1. Setiap ahli kumpulan mengumpul kotak-kotak kitar semula berbentuk kubus atau kuboid seperti kotak ubat gigi, kotak bijirin atau kotak pelitup muka.
2. Anda perlu merancang sebuah perumahan dan bangunan kemudahan yang diperlukan di bandar itu dengan mengisi borang di bawah untuk diserahkan pada pejabat perbandaran (guru anda) untuk mendapat kelulusan.
3. Bina sebuah pelan lantai yang lengkap dengan nama bangunan dan jalan raya pada sehelai kertas A4.

Contoh:



4. Bina bandar lestari anda dengan menggunakan kotak-kotak kitar semula yang telah dikumpul sebagai bangunan menggunakan kreativiti kumpulan anda.
5. Bina satu jadual yang menyenaraikan nama, ukuran, luas tapak dan isi padu bangunan tersebut.

Borang Senarai Bangunan

Bil.	Bangunan	Panjang (cm)	Lebar (cm)	Tinggi (cm)
1.	Sekolah			

Diluluskan

Tidak diluluskan

Tandatangan:

.....
(Pejabat Perbandaran)